

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia



## KATA-KATA ALUAN PERDANA MENTERI

SAYA mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Pasukan Polis Diraja Malaysia sempena Perayaan Hari Ulang Tahunnya yang ke-176 pada 25 Mac, 1983 ini.

Tema perayaan tahun ini, iaitu "Kepimpinan Melalui Teladan", adalah tepat dan bersesuaian dengan masa dan keadaan di negara kita.

Nilai-nilai kepimpinan yang baik yang diamalkan di semua peringkat jentera Kerajaan adalah sangat perlu jika kita mahukan negara kita mencapai tahap kebahagiaan yang lebih tinggi.

Sebagai sebahagian dari jentera Kerajaan, Pasukan

Polis boleh memainkan peranan yang penting bagi menepati nilai-nilai kepimpinan yang dikehendaki.

Saya berharap dengan semangat dan disiplinnya, Pasukan Polis akan bergiat menjadi "Kepimpinan Melalui Teladan" ini sebagai amalan setiap anggotanya. Dengan cara ini, bukan sahaja prestasi perkhidmatan Pasukan Polis akan meningkat malah ia akan lebih lagi dihormati dan disegani oleh semua.

**SELAMAT MAJU JAYA.**

**DATUK SERI DR. MAHATHIR  
MOHAMAD**  
(Perdana Menteri, Malaysia)